

ASN Imbang 3 Global tawar pelaburan permulaan minimum RM10

Oleh Mahanum Abd Aziz dan Alzahrin Alias
bhbiz@bh.com.my

Permodalan Nasional Bhd (PNB) akan terus meningkatkan portfolio pelaburan di pasaran luar negara bagi menawarkan peluang yang menyeluruh kepada pemegang unit amanahnya.

Pengerusi PNB, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata peningkatan portfolio itu seiring dengan langkah PNB mempelbagaikan cabang pelaburannya di pasaran domestik dan antarabangsa.

Beliau berkata, PNB akan terus meninjau peluang pelaburan luar negara dan meningkatkannya secara berkala berdasarkan unjuran ekonomi serta cabaran semasa terutamanya ketika ini.

"Pelaburan luar negara ini akan ditingkatkan secara ber-

kala bergantung kepada unjuran semasa.

"Kita akan melihat kepada tinjauan ekonomi dan jika ia bersesuaian, PNB akan memperkenalkan lagi produk pelaburan luar negara yang baharu.

"PNB bukan saja menumpukan kepada pelaburan luar negara, tetapi turut akan membabitkan kepada pasaran domestik," katanya selepas pelancaran Minggu Saham Digital secara maya, semalam.

Pada majlis sama, syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB, Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) melancarkan dana unit amanah pertamanya yang mempunyai portfolio pelaburan di pasaran antarabangsa, ASN Imbang 3 Global.

ASN Imbang 3 Global adalah unit amanah harga berubah, ditawarkan dengan pelaburan permulaan minimum RM10.

Mengulas lanjut, Zeti berkata, sejak diperkenalkan pada 16 September lalu, ASN Imbang 3 Global sudah dilanggan 5,000



pelabur membabitkan dana RM290 juta.

Beliau berkata, ASN Imbang 3 Global sesuai untuk mereka yang mencari destinasi pelaburan dengan risiko sederhana dan mengharapkan peningkatan modal dan pulangan daripada pelaburan untuk jangka panjang.

Zeti berkata, PNB turut mengunjurkan jumlah aset di bawah pengurusan (AUM) akan terus meningkat.

Dalam tempoh ini katanya,

AUM PNB meningkat daripada RM61 bilion pada 2000 kepada RM315 bilion sehingga September lalu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin, berkata ASN Imbang 3 Global akan mengambil peluang untuk melabur di pasaran berpotensi terpilih luar negara bagi menjana pendapatan dan seterusnya memberi pulangan kepada pelabur.

Beliau berkata, dana ini memberi peluang kepada pelabur tempatan untuk menerima pulangan daripada pelaburan di luar negara, tanpa mereka perlu melakukannya sendiri.

Ini katanya, menjadikan kos pelaburan mereka lebih murah dengan potensi pulangan lebih besar daripada pasaran antarabangsa.

"Tabung ASN Imbang 3 Global yang berada dalam kategori Aset Campuran Imbang, akan melabur dalam portfolio pelbagai yang terdiri daripada se-

kuriti tersenarai dan tidak tersenarai, pendapatan tetap dan instrumen pasaran tunai.

"Sebanyak 65 peratus daripada nilai aset bersih (NAB) tabung ini akan dilaburkan dalam pasaran ekuiti, manakala selebihnya dalam sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset mudah cair.

"ASNB Imbang 3 Global akan mengguna pakai strategi berhati-hati dan bertahan dan sebarang keputusan pelaburan adalah dibuat berdasarkan prestasi ekonomi dan pasaran saham semasa," katanya.

Mohammad berkata, penanda aras prestasi yang ditetapkan untuk ASN Imbang 3 Global ialah gabungan prestasi antara MSCI All Country World Index (ACWI) dan Deposit Tetap 12-bulan Maybank.

Beliau berkata, oleh kerana dana ini adalah dana harga berubah, harga jualan dan belianya berubah berdasarkan NAB dana.



Tengku Zafrul bersama Zeti dan Ahmad Zulqarnain merasmikan pelancaran maya Minggu Saham Digital yang disiarkan secara langsung menerusi saluran YouTube dan laman Facebook rasmi MSD, semalam (Foto ihsan PNB)

PNB perkenal saham amanah pelaburan antarabangsa